



Rawatan terapi sensori kanak-kanak berkeperluan khas

BILIK terapi sensori atau *sensory room* merupakan sebuah bilik kemudahan yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan multisensori untuk merangsang (terapi sensori) secara selamat dan terkawal dengan pemerhatian serta sokongan ahli terapi cara kerja terutamanya bagi perkembangan sensori dan kognitif kanak-kanak berkeperluan khas atau yang mempunyai masalah pembelajaran.

Kiwanis Sensory Room yang terletak di Blok A Hospital Pulau Pinang (HPP) merupakan salah satu bilik terapi sensori yang diwujudkan hasil sumbangan badan bukan kerajaan (NGO), *Kiwanis Club of Penang Sentral* bertujuan memberikan rawatan terapi sensori untuk perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak autisme, hiperaktif (ADHD) serta berkeperluan khas yang lain.

Bilik berkaitan dirasmikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 13 Februari lalu, yang mana dilihat mampu membantu ibu bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas mendapatkan perkhidmatan terapi sensori bersesuaian dengan lebih intensif.

Susulan itu, bagi mengetahui lebih lanjut mengenai *Kiwanis Sensory Room*, barisan pakar



KETUA Menteri menandatangani plak perasmian sebagai simbolik pembukaan *Kiwanis Sensory Room* di Unit Pemulihan Cara Kerja HPP di sini baru-baru ini.

perubatan Jabatan Perubatan Rehabilitasi HPP sempat berkongsi sedikit sebanyak latar belakang kemudahan yang baharu dalam satu sesi wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** baru-baru ini.

Pegawai Pemulihan Cara Kerja HPP, **ZURLINA MAHMOOD** ketika ditemui berkata bahawa ramai kanak-kanak seawal usia kelahiran telah didiagnosa dengan autisme, hiperaktif dan lain-lain.

“Langkah awal sebelum diagnosa sama ada kanak-kanak tersebut cenderung mengalami ADHD, gangguan

spektrum autisme (ASD) dan lain-lain lagi bermula daripada ibu bapa.

“Namun, ramai ibu bapa yang memandang enteng terhadap kondisi ini menyebabkan kanak-kanak tidak menerima intervensi yang sepatutnya dan lewat dalam perkembangan mereka.

“Pada era globalisasi ini, ramai ibu bapa membiarkan anak-anak mereka menghabiskan masa berjam-jam dengan telefon pintar dan gajet tanpa menyedari akan kesan jangka panjang, memberi cabaran perkembangan pada fizikal, kognitif, sensori termasuk tingkah laku yang

akan menjadi lebih sukar dan kurang berkesan.

“Sudah tentu di *Kiwanis Sensory Room* ini, telah menjadi tanggungjawab Ahli Terapi Cara Kerja memberi latihan intervensi dan sokongan secukupnya kepada kanak-kanak berkeperluan khas, akan tetapi kekangan peralatan yang dihadapi telah membataskan rawatan yang diberi.

“(Dan) sebagai Ahli Terapi Cara Kerja, saya berpendapat bahawa perkhidmatan rehabilitasi di Pulau Pinang terutamanya masih lagi kekurangan kemudahan dan aksesibiliti untuk memenuhi permintaan yang semakin

meningkat.

“Syukur dengan sedikit kemajuan dan pembaharuan, usaha *Kiwanis Club of Penang Sentral* memenuhi kelengkapan di *Kiwanis Sensory Room* sangat efisien, walaupun masih banyak lagi peralatan yang perlu disediakan,” ujarnya.

Tambah Zurlina, sesi terapi sensori sebenarnya bertujuan membantu kanak-kanak yang mengalami masalah dalam perkembangan sensori, fizikal serta perkembangan kognitif untuk memberi tindak balas sosial, emosi, dan tingkah laku yang lebih baik.

(Sambungan di muka 2).

(Sambungan dari muka 1).

Intervensi awal penting

“Kemudahan bilik (terapi sensori) ini merupakan langkah permulaan, kanak-kanak berkeperluan khas akan diberikan tugas mudah dalam *sensory circuit* yang perlu diselesaikan secara ‘one-to-one’, tugas juga dilaksanakan bersama beberapa kanak-kanak berkeperluan khas lain bagi melatih kemahiran menunggu giliran.

“Jika aktiviti tersebut tidak boleh dilaksanakan secara berdikari maka ibu bapa perlu melakukan latihan asas di rumah juga melibatkan kemahiran seperti menunggu giliran, mengikut arahan dan fokus ketika tugas sebagai persediaan kanak-kanak berkeperluan khas memasuki alam persekolahan kelak.

“Jadi, bagaimana untuk kita mengesan sama ada anak-anak kita memerlukan intervensi adalah ketika mereka memberi maklum balas terhadap perhatian yang diberi oleh ibu bapa dan tindak balas tingkah laku yang ditunjukkan adalah diluar daripada kebiasaan.

“Jika berlaku sedemikian, maka mereka mengalami kelainan upaya dan kebiasaannya perlu mempunyai kad OKU (orang kurang upaya).

“Maka, Ahli Terapi Cara Kerja di sini akan menjalankan aktiviti rangsangan sensori terhadap kanak-kanak berkeperluan khas bagi membantu proses pemprosesan maklumat di dalam otak menjadi lebih baik.

“Ibu bapa juga turut dinasihatkan untuk melaksanakan aktiviti sensori mudah menggunakan peralatan di rumah bagi memastikan rawatan berterusan kepada kanak-kanak berkeperluan khas supaya perkembangan mereka lebih baik,” jelasnya.

Menurut Zurlina, semua pesakit yang hadir ke *Kiwanis Sensory Room* adalah berdasarkan rujukan doktor pakar dan janji temu yang telah ditetapkan.



DR. Sara Easaw (kiri sekali), Zurlina Mahmood (dua dari kiri) dan Dr. Zetty Noreeta Mohd. Rozali (tiga dari kiri) bersama-sama doktor pakar dan juruterapi dari Jabatan Rehabilitasi HPP.

Kekangan peralatan, stigma ibu bapa

Sementara itu, Ketua dan Pakar Perunding Jabatan Rehabilitasi HPP, DR. ZETTY NOREETA MOHD. ROZALI ketika ditemui, turut berkata bahawa antara cabaran yang dihadapi adalah dari segi kemudahan kelengkapan dan stigma sesetengah ibu bapa.

“Pesakit tidak hanya bergantung kepada preskripsi ubat, sesi terapi juga penting untuk dilakukan maka dari situ berlakunya campur tangan (*intervension*) antara ahli terapi perubatan cara kerja dan ibu bapa untuk memberikan rawatan yang terbaik.

“Tidak semua pesakit boleh terus datang ke sini, mereka perlu faham bahawa terdapat prosedur yang perlu dipatuhi, pesakit perlu menjalani sesi penilaian terlebih dahulu dan jika didiagnosa baru boleh dirujuk ke sini.

“Kemudian jika dalam tempoh tiga bulan, tiada perkembangan memberangsangkan, maka pesakit akan menjalani terapi atau aktiviti seterusnya, sekiranya masih kurang baik maka

perkembangan pesakit perlu disokong dengan pengambilan ubat yang diberi.

“Selain itu, tidak dinafikan bahawa kewujudan bilik (*Kiwanis Sensory Room*) ini memberi harapan kepada kanak-kanak berkeperluan khas, akan tetapi tidak semua boleh mengakses rawatan di sini ini disebabkan keterbatasan sumber kelengkapan yang ada.

“Peralatan terapi seperti tangga, buaian, trampolin dan alat interaktif melibatkan kos yang sangat tinggi serta perlu diimport, jadi agak sukar untuk perluaskan perkhidmatan rehabilitasi terutamanya bagi hospital kerajaan yang mempunyai bajet yang terhad.

“Di Malaysia, kelengkapan peralatan untuk kanak-kanak ini boleh dikatakan sangat minimum, sepatutnya di Pulau Pinang bilik sebegini perlu lebih banyak disediakan.

“Jika lebih banyak NGO tampil menaja beberapa kelengkapan, maka aksesibiliti terhadap fasiliti akan lebih bertambah baik dan itu yang pihak kami mahukan,” katanya sambil menyatakan bahawa aksesibiliti yang lengkap

mencipta persekitaran terapi yang moden dan berkesan.

Tahap kesedaran awam

Pakar Pegawai Perubatan di Jabatan Rehabilitasi HPP, DR. SARA EASAW berpandangan bahawa tahap kesedaran umum masih lagi lemah dan menganggap kondisi ini boleh pulih sendiri.

“Ibu bapa terutamanya mempunyai banyak pilihan untuk memberikan yang terbaik kepada anak-anak mereka, namun, pihak kami mendapati sesetengah ibu bapa tidak mendapatkan bantuan segera kerana menganggap kesukaran yang akan dihadapi dan menganggap anak mereka akan pulih dengan sendiri.

“Malah, ada juga yang malu untuk mengaku dan hanya membiarkan perkembangan anak-anaknya terbatas, apabila mula ke sekolah dan tidak boleh menjalani kehidupan sebagai pelajar maka biasanya pihak sekolah akan mengambil tindakan ‘menolak’ mereka dari terus bersekolah.

“(Dan) disebabkan itu mereka akan keciciran dan hanya duduk di rumah, maka bermula sesi menghabiskan masa berjam-jam dengan telefon pintar dan gajet tanpa menyedari kesan jangka panjangnya.

“Masa tayang (*screening time*) perlu diawasi kerana kanak-kanak cenderung menghabiskan masa mereka di rumah, jadi apa-apa yang mereka jalani di rumah akan membentuk perkembangan ‘sendiri’ berbanding sesi terapi di hospital.

“Saya ingin menyeru ibu bapa supaya cakna akan kebajikan pesakit, jika datang awal untuk merawat, pakar perubatan tahu apa yang boleh dilakukan kepada pesakit, jangan biarkan mereka keciciran dalam setiap aspek kehidupan,” katanya.



KEADAAN salah satu ruang aktiviti di *Kiwanis Sensory Room*.



AKTIVITI sensori yang dijalankan oleh juruterapi di Unit Pemulihan Cara Kerja (Pediatrik).

Pendaratan tuna wujudkan peluang pekerjaan

SEJAK awal tahun 1990-an, Pulau Pinang merupakan pintu utama bagi kemasukan ikan tuna ke Malaysia.

Pada tahun tersebut, terdapat banyak vesel luar negara terutamanya dari Taiwan yang memilih Pulau Pinang untuk mendaratkan hasil tangkapan mereka.

Bukan setakat mendaratkan, malah memproses dan seterusnya mengekspor ikan tuna balik ke Taiwan atau pasaran luar seperti Jepun turut dilakukan di sini.

Bahkan, ketika dunia dilanda pandemik COVID-19, aktiviti pendaratan tuna tetap diteruskan yang mana pelabuhan Pulau Pinang menerima sebanyak 20 kali pendaratan tuna membabitkan 1,301 tan metrik untuk diekspor ke Indonesia, Thailand, Singapura dan Vietnam pada Januari hingga Ogos 2021 berdasarkan laporan dari Jabatan Perikanan Malaysia.

Pada Oktober 2024, Jabatan Perikanan Malaysia turut melaporkan bahawa Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama-sama delegasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang hadir menyaksikan proses pendaratan tuna di Dermaga Air Dalam dekat Butterworth.

Baru-baru ini, Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, **FAHMI ZAINOL** juga 'turun padang' melihat sendiri aktiviti pendaratan tuna di Dermaga Air Dalam, Butterworth.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** menghubungi Fahmi bagi mendapatkan gambaran mengenai aktiviti berkaitan di Pulau Pinang.

Menurut beliau, aktiviti pendaratan ikan tuna di Pulau Pinang memberi banyak faedah, baik dari segi ekonomi mahupun sosial.

"Dari segi ekonomi



FAHMI Zainol melihat sendiri aktiviti pendaratan ikan tuna ketika melawat ke Dermaga Air Dalam, Butterworth baru-baru ini.

di Pulau Pinang secara tidak langsung menjana pendapatan penting bagi pengusaha industri tuna tempatan.

"Tuna merupakan antara spesies ikan yang bernilai tinggi di pasaran luar negara dan ini membuka peluang mengembangkan industri perikanan negara.

"Apabila industri tuna ini berkembang, ia akan mewujudkan sumber ekonomi baharu di samping mewujudkan aktiviti hiliran," ujarnya.

Tambah Fahmi, pendaratan ikan tuna juga telah mewujudkan peluang pekerjaan baharu.

"Jika dilihat mutakhir ini, peningkatan aktiviti

pendaratan ikan tuna ini telah menjana lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor perikanan dan industri berkaitan seperti pemprosesan ikan, pengangkutan, logistik serta perdagangan.

"Selain itu, industri pemprosesan makanan laut juga dapat dibangunkan kerana sehingga kini masih belum ada industri hiliran seperti ini di negeri ini.

"Sekiranya aktiviti pendaratan meningkat, maka tidak mustahil Pulau Pinang berpotensi besar sebagai hab pendaratan dan pemprosesan ikan tuna serta mampu menyediakan produk makanan laut berkualiti tinggi untuk pasaran tempatan dan

juga antarabangsa.

"Secara tidak langsung, ia akan menggalakkan kemasukan pelaburan baharu dalam industri pemprosesan hasil laut dan meningkatkan lagi daya saing produk makanan laut negara," jelasnya yang turut teruja dengan perkembangan terkini.

Dari segi pelancongan pula, kata Fahmi, pastinya pendaratan ikan tuna ini akan menarik perhatian ramai untuk melihat sendiri proses pendaratan dan pasaran ikan tuna seperti di *Toyosu Fish Market*, Jepun dan *Sydney Fish Market*, Australia.

"Oleh itu, melalui MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan,

saya amat komited untuk membangunkan industri tuna ini dan kembalikan semula kegemilangan aktiviti pendaratan tuna di Pulau Pinang seperti suatu ketika dahulu.

"Selain itu, memandangkan ikan tuna juga adalah sumber protein yang penting dan saya melihat bahawa aktiviti pendaratan ini akan membantu dalam menyediakan sumber makanan yang kaya dengan asid lemak omega-3 yang bermanfaat untuk kesihatan manusia," katanya.

Dalam pada itu, Fahmi turut berharap agar aktiviti pendaratan tuna di Pulau Pinang dapat dipertingkatkan lagi baik dari segi infrastruktur mahupun logistik.

"Sememangnya Kerajaan Negeri komited untuk bangunkan industri tuna yang mana buat masa ini kita masih mencari lokasi yang bersesuaian untuk dibangunkan kerana Pulau Pinang mempunyai potensi besar dalam industri ini.

"Kita sasarkan untuk membangunkan sebuah pelabuhan perikanan yang ada pelbagai fasiliti mengikut Standard Kesatuan Eropah (EU), bukan standard piawaian biasa tetapi yang sesuai untuk membawa masuk ikan tuna dan lain-lain hasil laut untuk diekspor.

(Sambungan di muka 4).



IKAN tuna yang didaratkan akan diproses untuk diekspor ke pasaran luar negara. (Gambar ihsan: Jabatan Perikanan Malaysia).



ANTARA proses yang dilakukan di pelabuhan sebelum diekspor. (Gambar ihsan: Jabatan Perikanan Malaysia).



RAKAMAN gambar kenangan semua peserta berserta barisan jemputan.



ANTARA rekaan fesyen yang dipamerkan.

Kembangkan rangkaian fesyen

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

PENGANJURAN Festival Fesyen Usahawan Penang (FFUP) 2025 yang julung kali dianjurkan di negeri ini menerima sambutan memberangsangkan.

Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Dato' Rashidi Zinol berkata bahawa penganjuran tersebut melibatkan seramai 27 pereka fesyen dengan 37 jenis pakaian dipamerkan.

"Selaku Kerajaan Negeri, kita akan bawa perkara ini ke tengah supaya turut melibatkan usahawan daripada pelbagai latar belakang dan bangsa, kerana fesyen ini skopnya luas.

"Tambahan pula, fesyen sebenarnya memberi manfaat dan peluang ekonomi yang cukup luas serta lumayan kepada usahawan tempatan," katanya ketika

ditemui sejeurus tamat FFUP 2025 pada 16 Februari lalu di sini.

Hadir sama, wakil Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Ajri Zarith Nur Ahmad; Pengurus TEKUN Nasional Pulau Pinang, Haliyatul Asma Jamaluddin; wakil Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Safiyah Peer Mohamed dan dif-dif jemputan lain.

Mengulas lanjut, Rashidi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri berhasrat untuk meneruskan penganjuran festival tersebut pada masa akan datang sekiranya masih mendapat permintaan daripada usahawan tempatan.

"Saya akan beri perhatian terhadap bidang ini, dan sekiranya usahawan mempunyai kesungguhan, saya yakin Kerajaan Negeri akan lebih membantu membawa produk mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

"Kita telah menyaksikan inovasi dan keunikan mampu membawa jenama tempatan ke peringkat lebih tinggi, justeru Kerajaan Negeri akan terus menyokong

para usahawan melalui program latihan, bimbingan dan bantuan akses pasaran," ujarnya.

Tambah Rashidi, festival tersebut bukan sekadar platform untuk memperkenalkan jenama dan reka bentuk baharu, tetapi juga menjadi medan untuk membina jaringan perniagaan.

"Usahawan juga berpeluang berkongsi pengalaman sekali gus memperkukuhkan kedudukan usahawan fesyen kita dalam industri.

"Sebagai Exco yang bertanggungjawab dalam pembangunan keusahawanan, saya amat berbangga melihat komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan oleh usahawan dalam bidang fesyen.

"Kejayaan salah seorang usahawan yang telah berjaya membawa produknya ke Mydin adalah bukti bahawa dengan sokongan yang tepat, kita mampu mencipta lebih banyak kejayaan," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh.

(Sambungan dari muka 3).

Hab tuna global

"Jika ini dapat direalisasikan, pastinya Pulau Pinang mampu menjadi daya tarikan baharu selain menjadi hab tuna global dalam negara sama seperti di Jepun dan Australia," ujarnya.

Berdasarkan statistik Jabatan Perikanan Malaysia, sebanyak 16 buah vesel penangkapan ikan tuna dilesenkan dan beroperasi di Lautan Hindi pada tahun 2023 dengan jumlah pendaratan mencecah 3,133,611 kilogram (kg).

Daripada jumlah tersebut, pendaratan tuna di Pulau Pinang adalah 177,320kg dengan anggaran nilai mencecah RM3,191,760 melibatkan tiga buah vesel iaitu Ibu Wira 7, Ibu Wira 2 dan Ibu Wira 1.


Pelabuhan Pulau Pinang pernah menerima jumlah pendaratan ikan tuna tertinggi pada tahun 2020 iaitu 1,943,844 kg dengan nilai RM33,045,348.

Sementara itu, bercakap mengenai status Kompleks Perikanan Batu Maung yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Pulau Pinang, Fahmi memaklumkan bahawa kompleks tersebut kini tidak lagi mengendalikan pendaratan ikan tuna.

"Sejak tahun 2015 lagi, kompleks tersebut tidak mampu mengendalikan pendaratan ikan tuna disebabkan masalah pemendapan lumpur.


"Oleh yang demikian, komersial di Dermaga Air Dalam dekat Butterworth dipilih untuk aktiviti pendaratan tuna sehingga ke hari ini," ulasnya lanjut.

PENDARATAN TUNA DI PULAU PINANG 2017-2023



PENDARATAN KAPAL TUNA 2023

Jumlah Pendaratan (kg) dan Peratusan (%)



JUMLAH PENDARATAN
3,133,611 KG

🇲🇾 PULAU PINANG : 177,320 KG
🇲🇻 MALDIVES : 2,956,291 KG

JADUAL daripada Jabatan Perikanan Malaysia menunjukkan jumlah pendaratan ikan tuna di Pulau Pinang sehingga tahun 2023 dan jumlah vesel yang terlibat.

Naik taraf mampu tingkat kapasiti HPP

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
 Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen memaklumkan bahawa Hospital Pulau Pinang (HPP) sedang menjalankan dua kerja menaik taraf berskala besar demi

keselesaan rakyat.

Menurut beliau, projek menaik taraf tersebut adalah membabitkan blok ibu dan anak serta pembinaan blok baharu (blok pakar) yang terletak berhadapan dengan Padang Polo di sini.

“Saya percaya ramai yang perasan dengan situasi semasa di HPP, khususnya projek pembangunan blok ibu dan anak-anak bersama dengan satu lagi bangunan baharu di Blok A.

“Ini adalah antara projek yang sempat dilaksanakan di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) bagi meningkatkan kapasiti HPP, sekali gus membantu menangani kes-kes pada masa akan datang,” ujarnya ketika mengadakan lawatan ke Wad Onkologi Kanak-kanak HPP bersama-sama *ASP Medical Group* di sini pada 19 Februari lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif *ASP Medical Group*, Dato’ Dr. Tan Meng Lee dan Presiden *ASP Medical Group*, Dr. Doreen Yeap.

Sempena lawatan tersebut, *ASP Medical Group* menyampaikan sumbangan tunai dan permainan kepada 28 kanak-kanak di wad berkaitan sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Zi Sen menyatakan bahawa perkara yang lebih penting adalah masyarakat perlu menitikberatkan aspek penjagaan kesihatan dalam mengimbangi kapasiti di kemudahan-kemudahan kesihatan awam di negara ini.

“Tidak ada gunanya kalau kita tambah

TAPAK cadangan pembinaan bangunan klinik pakar dan wad hospital 14 tingkat yang terletak berhadapan Blok A Hospital Pulau Pinang di sini.

DANIEL Gooi Zi Sen.

berapa banyak katil sekalipun sekiranya rakyat tidak sedar tentang kepentingan kesihatan mereka atau tidak mengamalkan hidup lebih sihat, maka ia tidak akan mencukupi.

“Kita harap masyarakat dapat memupuk gaya hidup sihat bagi mengelakkan sebarang penyakit, sekali gus mengurangkan jumlah pesakit di hospital awam,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Difahamkan satu blok baharu 14 tingkat sedang dibina yang mana bakal menempatkan klinik-klinik pakar dan wad pesakit.



Tambah jumlah petugas

HOSPITAL Pulau Pinang (HPP) sedang menjalankan dua projek penarafan berskala besar demi meningkatkan kapasiti hospital kerajaan tersebut yang mana sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Selain projek menaik taraf blok ibu dan anak, satu lagi projek penaiktarafan berskala besar yang telahpun mendapat ‘lampu hijau’ daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah cadangan pembinaan blok bangunan setinggi 14 tingkat yang akan memuatkan tapak parkir bertingkat (paras 2 hingga 7), klinik pakar (paras 1 hingga 11), dan wad pesakit (paras 12 hingga 14).

Pada 19 Februari 2025, Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, **DANIEL GOOI ZI SEN** berkesempatan mengadakan lawatan tapak dua projek berskala besar di hospital awam tersebut, yang kedudukannya berhampiran Padang Polo di sini.

Wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** bersama-sama wartawan pelatih, **NUR BATRISYIA IDRUS** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** berpeluang membuat tinjauan lapangan serta mendapatkan respons lanjut mengenai dua projek penaiktarafan berskala besar di hospital tersebut pada 21 Februari lalu.

(Sambungan di muka 6).

SAIFUL AZWAN ABDUL MALIK

Peniaga, **SAIFUL AZWAN ABDUL MALIK**, 47, berkata bahawa sepatutnya HPP ini memang wajar dinaik taraf ke arah ‘vertical hospital’ dengan mengambil kira bank tanah yang begitu terhad di samping peningkatan populasi penduduk berbanding kapasiti sebenar sektor perkhidmatan kesihatan awam yang ditawarkan di hospital kerajaan.

“Sepatutnya sudah lama Hospital Pulau Pinang ini bergerak ke arah ‘vertical hospital’.

“Apabila telah ada ‘lampu hijau’ KKM dan Hospital Pulau Pinang untuk melaksanakan dua projek penarafan berskala besar di hospital ini, ia sekali gus melambangkan Kerajaan Madani yang ada pada hari ini serius mahu meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan awam untuk rakyat,” jelasnya.



Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa usaha KKM menaik taraf infrastruktur kesihatan bukan sahaja menyumbang pada peningkatan kapasiti perkhidmatan di HPP, malah turut memendekkan tempoh menunggu atau janji temu para pesakit untuk berjumpa doktor atau pakar.

“Seringkali digambarkan oleh

segelintir pihak konon-konon mutu perkhidmatan kesihatan awam di hospital kerajaan adalah tidak bagus, berbanding hospital swasta yang mana para pesakit tidak perlu menunggu lama untuk berjumpa doktor.

“Isu sebenar adalah lambakan pesakit, kalau hospital kerajaan tak bagus perkhidmatan, takkan rakyat khususnya pesakit lebih memilih hospital kerajaan dengan fi bayaran yang lebih berpatutan berbanding hospital swasta.

“Jadi, apabila KKM meningkatkan kapasiti perkhidmatan dengan membina blok 14 tingkat di Hospital Pulau Pinang, saya sangat berharap selepas ini tiada lagi isu pesakit terpaksa tunggu lama untuk bertemu doktor atau pakar,” jelasnya yang juga merakamkan penghargaan kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

(Sambungan dari muka 5).

Klinik khas pesakit luar elak kesesakan

MUHAMMAD MUZAKIR ROSLI

Nada hampir serupa turut dikongsi oleh seorang petugas keselamatan, **MUHAMMAD MUZAKIR ROSLI**, 27.

“Jumlah petak parkir perlu ditambah untuk pelawat yang mana ambulans tak dapat berhenti di tempat sepatutnya atas faktor-faktor kesesakan

dan kekurangan parkir.

“Pernah ada pelawat yang disaman semasa parkir di bahu jalan kerana menyekat laluan bas,” ulasnya sambil memuji usaha kementerian dalam meningkatkan kapasiti perkhidmatan kesihatan awam di HPP.



‘KAK MAISARAH’

Mahu dikenali sebagai ‘Kak Maisarah’, 42, beliau bersetuju jika KKM turut membina kembali satu klinik pesakit luar untuk mengelakkan kesesakan di dalam hospital berkenaan.

“Wajar kalau buka satu klinik untuk pesakit luar untuk mengelakkan kesesakan di dalam hospital.

“Hospital hanya untuk

pesakit yang memerlukan pakar sahaja dan pesakit yang tidak kronik boleh terus ke klinik luar,” ujarnya yang enggan gambarnya dirakam.

Selain itu, beliau berpendapat bahawa pihak hospital perlu menambah jumlah petugas barisan hadapan kesihatan supaya sejajar dengan keperluan memenuhi kapasiti hospital

yang kian ditingkatkan, kelak.

“Pesakit banyak bersesak dengan orang lain semasa ingin membuat pemeriksaan doktor kerana kekurangan kakitangan.

“Jangan luas lantai hospital kian bertambah, tapi jururawat dan doktor masih dalam saiz sama, akhirnya pesakit terpaksa menunggu lama juga untuk berurusan di sini,” katanya.

NATASYA ELISSA IBRAHIM



Bagi **NATASYA ELISSA IBRAHIM**, 30, pula berpendapat bahawa dua projek berskala besar itu akan meningkatkan kapasiti sekarang dan pada masa hadapan.

“Saya rasa wajar menaik

taraf bangunan untuk menambah kapasiti pesakit.

“Lebih wajar jika bina bangunan yang lebih banyak tingkat dan parkir aras bawah kerana akan memudahkan pelawat yang datang melawat pesakit di wad,” katanya.



BELDON
COLLECTION

Rumah Berkembar

EcoWorld mempersembahkan Koleksi Beldon di Eco Horizon - pembangunan seluas 45 ekar yang berpagar dan berkawal di bandar satelit Batu Kawan, Pulau Pinang.

(Harga selepas bumiputera diskaun)

Harga Minima : RM1,655,360.00

Harga Maksima : RM2,164,960.00

Unit Bumiputera kini dibuka untuk jualan dengan diskaun 5%.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

04 227 2255



Nama Pembangunan: ECO HORIZON SDN. BHD. (1082988-W) | Galeri Jualan: PT 21145, Mukim 13, Lebuhraya Bandar Cassia, 14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang | No Lesen-Pemaju: 19152/01-2029/448 (R) | Tempoh Sah: 13/01/2024 - 12/01/2029 | No. Permit Iklan & Jualan (FASA 11): 19152-10/03-2026/0306(A)-(S) | Tempoh Sah: 22/03/2023 - 21/03/2026 | No Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-73/87 | Tarikh Dijangka Siap: Okt 2026 | Jenis Bangunan: Rumah Berkembar, Jenis SD3A, SD3B, SD3C, SD3D, SD5A, SD5B, SD5C, SD5D | Jumlah Unit: 70 | Keluasan Binaan: 2,540 - 2,671 kaki persegi | Harga Minimum: RM 1,795,360.00, Harga Maksimum: RM 2,164,960.00 | No. Permit Iklan & Jualan (FASA 10): 19152-9/03-2026/0305(N)-(S) | Tempoh Sah: 22/03/2023 - 21/03/2026 | No Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-73/86 | Tarikh Dijangka Siap: Okt 2026 | Jenis Bangunan: Rumah Berkembar, Jenis SD6A, SD6B, SD6C, SD6D | Jumlah Unit: 112 | Keluasan Binaan: 2,540 - 2,671 kaki persegi | Harga Minimum: RM 1,655,360.00, Harga Maksimum: RM 2,120,160.00 |

Hakmilik Tanah: Pegangan Kekal | Bebanan Tanah: Public Investment Bank Berhad (20027-W) | Diluluskan oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) | Sekatan-Sekatan Kepentingan: Tidak | Diskaun Bumiputera: 5% | Kesemua ilustrasi hanya tanggapan artis sahaja. Pihak pemaju berhak mengubah suai mana-mana bahagian bangunan, pembangunan dan / atau mana-mana unit sebelum siap seperti yang diperlukan oleh perunding pemaju dan / atau pihak berkuasa yang relevan. Sementara semua langkah yang wajar telah diambil dalam menyediakan informasi ini, pihak pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa variasi atau ketidaktelitian.

ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND



A JOINT DEVELOPMENT BY

PERLUAS

Anugerah Kedai Makan Harga Patut

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

MULA beroperasi pada tahun 2016, Warung Paya Kelat dekat Bagan Dalam yang bersih, indah dan menyajikan makan sedap dengan harga berpatutan menerima Anugerah Kedai Makan Harga Patut daripada pihak Kerajaan Negeri.

Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, **DATO' RASHIDI ZINOL** menyerahkan plak Anugerah Pemenang Kedai Makan Harga Patut kepada **MD. AHAD ZAKARIA**, iaitu wakil pengusaha Warung Paya Kelat dekat Bagan Dalam.

"Ini, merupakan kali kedua penyampaian anugerah, selepas kali pertama di Cherok To'Kun pada hujung bulan Disember tahun lepas (2024).

"Tujuan program ini dianjurkan untuk memberi galakan kepada pengusaha kedai makan menetapkan harga patut.

"Kita (Pihak Berkuasa Negeri) dari semasa ke semasa akan memilih kedai-kedai makan yang dinilai menyediakan makanan sedap dan bersih dengan tawaran harga patut, serta dicadangkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk diberi anugerah ini," jelasnya kepada

WARUNG Paya Kelat yang terletak dekat Bagan Dalam.

pemberita di warung tersebut di sini pada 14 Januari 2025.

Turut serta, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pulau Pinang, R.S. Jegan dan Soffian Abbas (Timbalan Pengarah Penguatkuasa KPDN Negeri).



MOHD. Suhaimi Mahmud.

Difahamkan, program pelaksanaan Kedai Harga Patut (KHP) dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada 4 Januari 2010 dengan tujuan menggalakkan kedai-kedai termasuk restoran menawarkan harga patut bagi membantu pengguna mendapatkan barang dan perkhidmatan dengan harga yang lebih rendah.

Pada 31 Januari 2022, program tersebut ditambah baik dengan penglibatan beberapa agensi kerajaan sendiri bagi menganjurkan pelbagai program jualan barangan sebagaimana diputuskan



RASHIDI Zinol (dua dari kanan) bersama-sama para pegawai KPDN Pulau Pinang menunjukkan tanda bagus ketika hadir ke Warung Paya Kelat baru-baru ini.

dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada waktu itu.

Pada 11 Januari 2023, kementerian melancarkan Program Jualan Rahmah Madani seiringan pelaksanaan KHP, dengan menawarkan diskaun harga barangan keperluan rakyat sebanyak 10 peratus hingga 30 peratus.

Kerjasama dengan pasar raya yang melaksanakan KHP dilakukan bagi menjayakan Program Jualan Rahmah Madani meliputi kesemua 222 kawasan Parlimen di seluruh negara.

Mengulas lanjut, Rashidi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh menyatakan bahawa pihaknya akan mengeratkan kerjasama dengan KPDN Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi menggalakkan pengusaha restoran mengamalkan KHP,

sekali gus membantu rakyat menghadapi isu kos sara hidup.

Dalam perkembangan berkaitan, Buletin Mutiara cuba mendapatkan maklum balas pelbagai pihak berhubung usaha Kerajaan Negeri dalam usaha memantau harga barangan bagi membantu rakyat mendepani kenaikan kos sara hidup mereka.

MOHD. SUHAIMI MAHMUD, 68, pentadbir masjid menyambut baik usaha Kerajaan Negeri mempromosi pemberian Anugerah Kedai Makan Harga Patut bagi menggalakkan pengusaha menyediakan makanan berkualiti dengan harga berpatutan kepada pengguna.

"Kerajaan memang ada mekanisme perundangan untuk memantau serta mengawal harga barang-barang kawalan berjadual seperti gandum, ayam, minyak masak dan sebagainya, tetapi agak sukar untuk mengawal harga makanan yang siap di restoran.

"Oleh sebab itu, di samping terus memantau operasi pemantauan dan penguatkuasaan berkaitan, bagi saya usaha pemberian Anugerah Kedai Makan Harga Patut ini perlu diperluas.

"Selagi rakyat menyedari bahawa kerajaan begitu serius mencari jalan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat sama ada melalui pendekatan perundangan mahupun pemantauan atau pemberian



AISHAH Mohamed Zambri.

anugerah serta insentif galakan, selagi itu rakyat akan melihat kerajaan relevan," ujarnya.

Bagi **AISHAH MOHAMED ZAMBRI**, 38, pula yang juga merupakan peniaga kecil berkata bahawa Anugerah Kedai Makan Harga Patut akan berjaya jika ada dasar sokongan berkaitan untuk memastikan pengusaha dapat menyediakan makanan berkualiti dengan harga berpatutan.

"Contoh, kalau pengusaha kedai makan boleh mendapatkan barang mentah seperti beras, gula, tepung pada potongan harga sehingga 30 peratus seperti Program Jualan Rahmah Madani yang dianjurkan oleh kementerian, tidak ada alasan untuk mereka tidak menyediakan makanan berkualiti dengan harga berpatutan.

"Jadi, bagi saya sendiri, Program Jualan Rahmah Madani ini sangat membantu saya menyediakan makanan berkualiti pada harga patut," katanya.



Tidak menyerah kalah

KEJAYAAN meraih dua pingat emas, satu perak dan satu gangsa pada temasya Sukan Para Malaysia (Para SUKMA) Ke-21 di Sarawak membuktikan keazaman serta disiplin tinggi yang ditunjukkan oleh atlet para renang negeri, **MOHD. ZULKIFLI MAZERI**.

Susulan itu, Mohd. Zulkifli sempat berkongsi pengalaman sepanjang beliau berkecimpung dalam sukan renang melalui satu sesi wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** baru-baru ini.

Perjalanan Mohd. Zulkifli, 30, dalam arena sukan para renang bermula selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya yang menyebabkan beliau lumpuh separuh badan.

“Sebelum ini saya adalah insan normal tetapi asbab daripada kemalangan ngeri itu saya telah lumpuh separuh badan dan perlu menjalani sesi pemulihan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak di Melaka.

“Doktor yang merawat saya memberi semangat supaya berusaha untuk pulih dan pada masa sama belajar sesuatu daripada orang kurang upaya (OKU) lain yang telah berjaya dalam pelbagai bidang termasuk sukan.

“Dari situlah bermulanya penglibatan saya dalam sukan sebelum dibenarkan kembali semula ke Pulau Pinang selepas lebih kurang setahun menjalani rawatan di pusat tersebut,” jelasnya yang kini bekerja sendiri.

Zulkifli berkata, sekitar tahun 2017 beliau mula berjinak-jinak dalam arena sukan para renang dan telah bergiat aktif sehingga hari ini.

“Semasa menjalani sesi fisioterapi di hospital, saya telah mendapat nombor kenalan yang khusus untuk sukan

renang.

“Pada tahun 2017 saya mula berlatih berenang dan tidak lama kemudian berjaya menyertai Para SUKMA yang pertama pada tahun 2018 di Perak, Kuala Lumpur (2022) dan yang terkini di Sarawak.

“Antara kejayaan yang diperoleh dalam Para SUKMA di Sarawak adalah pingat emas bagi acara 100 meter (m) kuak dada (SB5); 100m gaya bebas (S6) yang mana saya menang pingat gangsa; 50m gaya bebas (emas) dan berganti-ganti 4x100m gaya bebas 'Relay 34' (perak).

“Ini merupakan kali ketiga penglibatan saya dalam SUKMA, oleh itu saya perlu menjalani sesi latihan yang lebih intensif walaupun berdepan risiko kecederaan.

“Ekoran kejayaan tersebut, saya dan dua lagi atlet turut menerima insentif penghargaan dari Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican,” katanya sambil merakamkan penghargaan kepada keluarga serta ahli pasukan atas sokongan yang diberikan selama ini.

Berkongsi mengenai harapan, Mohd. Zulkifli berpendapat bahawa rezeki tidak pernah salah alamat dan akan muncul tepat pada masanya.

“Pernah sekali rezeki tidak menyebelahi saya dan pasukan apabila penyertaan dalam kejohanan di Manila dibatalkan akibat pandemik COVID-19.

“Renang sememangnya menjadi hobi saya sejak kecil, jadi berkat sokongan daripada ahli pasukan dan keluarga saya membuat keputusan untuk tidak menyerah kalah.

“Justeru, pada Para SUKMA 2026 di Selangor kelak, saya akan berlatih



MOHD. Zulkifli Mazeri.

dengan lebih gigih untuk menaikkan potensi serta keyakinan diri,” katanya.

Selain mempunyai kemahiran berenang, Mohd. Zulkifli turut mencari pendapatan sampingan dengan menghasilkan kraf kayu serta membaiki kerusi roda.

“Saya pandai membaiki kerusi roda, dan sebelum membaiki saya akan periksa dahulu tahap kerosakan sebelum melakukan proses mengimpal.

“Kadar harga yang ditetapkan pula tidak terlalu mahal iaitu kurang daripada RM100, dan saya turut memberi panduan mengenai cara-cara penggunaan dan penjagaan kerusi roda yang betul bagi mengelak kerosakan

pada masa akan datang.

“Secara tidak langsung kemahiran yang saya ada ini telah membawa kebaikan kepada orang lain, begitulah juga niat saya dalam membantu rakan-rakan yang memerlukan,” ujarnya.

Zulkifli berkata, memandangkan servis membaiki kerusi roda agak terhad di negara ini, beliau mempunyai impian untuk memiliki perniagaan berkaitan pada masa akan datang.

“Saya sering hebahkan ke kumpulan sembang di *WhatsApp* dan sebagainya, bagi yang mencari servis membaiki kerusi roda boleh hubungi saya di talian 017-556 4608,” ujarnya menutup bicara.



MOHD. Zulkifli Mazeri memberi pose istimewa bersama-sama maskot Para SUKMA Sarawak.



PASUKAN para renang Pulau Pinang yang beraksi pada Para SUKMA Sarawak.

Sistem lif bermotor ke puncak

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

KEBUN BUNGA - Hartasuma Sdn. Bhd. (Hartasuma) iaitu syarikat yang dilantik secara permohonan mengemukakan cadangan (RFP) bagi projek kereta kabel Bukit Bendera, menerusi satu surat bertarikh 5 Februari 2025 telah menyatakan hasrat untuk membangunkan sistem lif bermotor bagi pengunjung bertandang ke puncak Kuil Sri Arulmigu Balathandayuthapani, Jalan Kebun Bunga di sini.

Semasa mengumumkan perkara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak berkenaan akan meningkatkan lagi nilai inklusif buat para pengunjung ke kuil bersejarah tersebut.

“Terletak pada ketinggian lebih 100 meter, usaha ini sudah pastinya akan meningkatkan nilai inklusif pada aspek kebebasan serta keupayaan beribadah yang akan dapat memberi manfaat kepada pihak yang lebih memerlukan seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU), wanita hamil dan sebagainya,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan



CADANGAN membangunkan sistem lif bermotor ke puncak Kuil Sri Arulmigu Balathandayuthapani mampu memberi keselesaan kepada pengunjung.

semasa berucap dalam majlis berkaitan di perkarangan kuil tersebut sempena sambutan Thaipusam 2025.

Turut berucap, Menteri Digital, Gobind Singh Deo; Ahli Parlimen Jelutong merangkap Pengerusi Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (PHEB), R.S.N. Rayer; Pengerusi Kuil Sri Arulmigu Balathandayuthapani, Dato’ Seri K. Kumarendran.

Mantan Ketua Menteri, Lim Guan Eng; Hakim Mahkamah Tinggi Pulau

Pinang, YA Dato’ Anand Ponnudurai dan veteran politik, Tan Sri Lim Kit Siang antara pemimpin yang hadir pada majlis tersebut.

Dalam sidang media selepas itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa Hartasuma akan membiayai sepenuhnya kos pembinaan sistem lif bermotor termasuk kajian kebolehlaksanaan bagi projek tersebut.

“(Projek pembinaan sistem lif bermotor ke puncak Kuil Sri Arulmigu Balathandayuthapani) ini dianggarkan menelan kos RM4 juta hingga RM6 juta, bergantung pada hasil kajian kebolehlaksanaan serta jenis mod yang akan dibina nanti.

“Seeloknya ia (projek pembinaan sistem lif bermotor ke puncak Kuil Sri Arulmigu Balathandayuthapani) dapat disiapkan dalam tempoh dua tahun, serentak dengan projek kereta kabel (Bukit Bendera) yang juga mengambil masa dua tahun (tempoh pemajuan),” ujarnya lanjut.

Dalam perkembangan lain, Gobind memberitahu bahawa kementerianya telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM50,000 untuk penganjuran perayaan Thaipusam di sini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Puchong, Selangor memberitahu pihaknya akan mengetengahkan hasrat PHEB dan pihak Kuil Sri Arulmigu Balathandayuthapani kepada pentadbiran Perdana Menteri, Y.A.B. Dato’ Seri Utama Anwar Ibrahim supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbang syor menyalurkan peruntukan khusus untuk penganjuran perayaan Thaipusam pada masa hadapan di sini.



CERIA
ECO HORIZON

EcoWorld mempersembahkan Pangsapuri Servis - Ceria D’ Eco Horizon Pembangunan seluas 7.7 ekar yang merupakan sebuah pembangunan bercampur di bandar satelit Batu Kawan, Pulau Pinang.

CERIA D’ ECO HORIZON

Harga Minima : RM484,852.00
Harga Maksima : RM556,629.00

(Harga selepas diskaun bumiputera)

